

# Syaranan Umum Profesor: Y.Bhg. Profesor Dr. Ali Yeon Bin Md. Shakaff

Siri Syaranan Umum Profesor UniMAP oleh Profesor Dr. Ali Yeon Bin Md. Shakaff, telah diadakan pada tanggal 22 Februari 2011 yang lalu, bertempat di Dewan Capitol, Kangar. Syaranan ini dianjurkan oleh Unit Pembangunan Lestari, Jabatan Canselor dengan kerjasama Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekatronik.

Syaranan kali ini telah menarik minat lebih 400 peserta yang terdiri daripada pelajar-pelajar UniMAP, pelajar pasca ijazah UniMAP dan UUM, staf akademik, penyelidik serta jemputan luar. Majlis syaranan ini dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dr. Ismail Daut.

Syaranan beliau bertajuk 'Engineering Bio-Inspired Systems - The Challenge of Mimicking Smell and Taste Senses' mengupas mengenai perkaitan di antara teknologi sensor yang dapat diaplikasikan dalam kehidupan sehari-hari manusia. Seterusnya konsep 'sensor technology' ini secara asas semulajadinya telah diimplimentasikan dari bentuk alam semulajadi kepada kehidupan sehari-hari manusia meliputi pelbagai bidang kehidupan dan juga sumber pada masa akan datang.

Malah menyedari kepentingan kepada manusia, UniMAP telah membangunkan sebuah makmal 'sensor teknology' yang berupaya membuat pelbagai penyelidikan berdasarkan elektronik dan kegunaannya dalam kehidupan masa kini dan masa akan datang.

Kesimpulannya, Syaranan Umum Profesor kali ini mendapat sambutan yang amat memuaskan dan diyakini mampu memberi impak yang maksima dalam usaha untuk mengormesialkan segala kepakaran dan ilmu pengetahuan yang ada pada seseorang ahli akademik di UniMAP.

*Sumber : Unit Pembangunan Lestari*

